

# Panduan Penulisan Karya Ilmiah

## 1.0 Pengenalan

Garis panduan ini disediakan bagi membantu ahli akademik atau kakitangan pengurusan dan pentadbiran KUIS dan para pengkarya tempatan untuk menghasilkan manuskrip ilmiah yang selaras dengan 'house style' Penerbit KUIS. Garis panduan penulisan ini meliputi manuskrip karya ilmiah berikut;

### 1.1 Karya asli

Karya asli (ilmiah atau umum) merupakan karya bagi memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran, menyumbang manfaat kepada masyarakat, menunjukkan kepakaran pengkarya dan menonjolkan kewibawaan dan kecemerlangan universiti. Karya asli ini meliputi buku pemikiran tokoh/sarjana, buku teks, modul dan bacaan umum.

### 1.2 Buku suntingan atau Bab dalam buku

Penulis boleh menghasilkan buku suntingan hasil daripada suntingan beberapa artikel yang mempunyai tema yang sama.

### 1.3 Monograf

Monograf ditakrifkan sebagai suatu tulisan mengenai sesuatu bidang atau subjek khusus atau tokoh yang ditulis secara terperinci. Monograf biasanya diterbitkan secara bersiri (bernombor di bawah naungan sebuah institusi). Lazimnya karya monograf ditulis oleh seorang penulis atau kerjasama antara beberapa orang penulis yang lain.

Penerbit KUIS menggalakan penyelidikan yang menerima geran KUIS (GPIK) atau geran daripada institusi luar ditulis dan diterbitkan sebagai monograf.

## 2.0 Permohonan Penerbitan

Manuskrip yang hendak dihantar kepada Penerbit KUIS perlulah merupakan cetusan terakhir karya pemikiran penulis, bukannya draf yang akan dipinda atau memasukan maklumat-maklumat tambahan secara berperingkat-peringkat. Semua permohonan penerbitan perlu dihantar kepada Penerbit KUIS dengan melengkapkan dokumen berikut;

- 2.1 Menyerahkan 2 salinan *hard copy* manuskrip yang lengkap. Bagi manuskrip Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris menggunakan font Times New Roman, saiz font: 12pt dengan langkau baris (*spacing*) 1.5. Manakala bagi manuskrip Bahasa Arab perlu menggunakan font *Tradisional Arabic* bersaiz 16. Jumlah minima muka surat adalah 120 (kandungan teks)
- 2.2 Salinan *soft copy* (program Microsoft word)
- 2.3 Menyediakan laporan tinjauan pasaran (4P)
- 2.4 Melengkapkan borang permohonan menerbitkan manuskrip\*
- 2.5 Melengkapkan borang permohonan ISBN\*  
\*borang permohonan menerbitkan manuskrip dan ISBN boleh dimuat turun dari laman web RMC (<http://rmc.kuis.edu.my/v1>)
- 2.6 Manuskrip (*hard copy*) perlu diserahkan dalam bentuk rata (tidak bergulung, berlipat atau cara lain yang boleh menjejaskan proses penilaian dan pewasitan manuskrip) dan telah dijilidkan secara ringkas (*comb atau tape binding*)
- 2.7 Dokumen permohonan yang lengkap perlu dihantar ke:  
Penerbit KUIS  
D/A Pusat Pengurusan Penyelidikan  
Aras 3, Blok Akademik 1,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
Bandar Seri Putra  
43600, Kajang Selangor  
E-mel: [penerbit@kuis.edu.my](mailto:penerbit@kuis.edu.my) atau [rmc@kuis.edu.my](mailto:rmc@kuis.edu.my)

### 3.0 Binaan / struktur manuskrip (karya asli dan bab dalam buku/buku suntingan)


Pemohon perlu memastikan bahawa manuskrip yang lengkap sahaja diserahkan kepada Penerbit KUIS. Secara umumnya dan menjadi kelaziman Penerbit-penerbit Universiti, binaan atau struktur buku mengandungi tiga (3) bahagian utama iaitu; Bahagian Awalan, Bahagian Teks dan Bahagian Akhiran. Justeru, pemohon dikehendaki melengkapkan semua bahagian berkenaan.

#### 3.1 Bahagian Awalan

Bahagian ini wajib mengandungi kandungan berikut dan perlu mengikut susunan dan nombor muka surat yang ditulis roman.

##### 3.1.1 Kulit Hadapan

<tajuk manuskrip> <penulis/penyunting (**maksimum 3 nama** bagi buku dan bab dalam buku)>



Contoh Kulit Buku

##### 3.1.2 Halaman kedua (recto/kanan)

<tajuk buku>

...i

##### 3.1.3 Halaman ketiga (recto/kanan)

<tajuk buku> <penulis> <Penerbit KUIS> <Kajang> <tahun>

... iii

- 3.1.4 Halaman hak cipta  
(disediakan oleh Penerbit KUIS) ... iv
- 3.1.5 Halaman Kandungan (*recto/kanan*) ...v

iv

KANDUNGAN		Halaman
Kata Alu-Aluan		vii
Prakata		ix
Pendahuluan		1
Bab Satu	Aplikasi Metod Kritik Hadis Menurut Perspektif Ulama <i>Mohd Norzi Nasir, Abdul Mukti Baharudin &amp; Zaidul Amin Suffian Ahmad</i>	10
Bab Dua	Kaedah Pengajaran Tenaga Pengajar Hadis Di Masjid-Masjid Negeri Selangor <i>Muhammad Fairuz A. Adi, Mohd Khafadz Soroni &amp; Rosni Wazir</i>	22
Bab Tiga	Kitab-Kitab Hadis Dalam Pengajian Di Seluruh Masjid Selangor <i>Mohd Norzi Nasir, Mohd Khafadz Soroni &amp; Rosni Wazir</i>	35
Bab Empat	Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran Dan Al-Hadis Dengan Aplikasi <i>NVDA Arabic</i> Untuk OKU Cacat Penglihatan <i>Ahmad Yimuz Mohd Noor &amp; Asmilyia Mohd Mokhtar</i>	47
Bab Lima	Hadis-Hadis Dalam Kajian Mukjizat Angka al-Quran <i>Abu Zaki Haji Ismail &amp; Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff</i>	64

### Contoh Isi Kandungan

- 3.1.6 Halaman senarai jadual dan rajah (*recto/kanan*)  
(wajib disediakan sekiranya kandungan teks mempunyai jadual & rajah) ...vi
- 3.1.7 Senarai penulis/penyumbang beserta bidang kepakaran & institusi  
(sekiranya ada) ...vii
- 3.1.8 Kata Pengantar (*recto/kanan*)  
Ulakan buku daripada tokoh tertentu dalam bidang/institusi yang berkaitan namun bukan dari institusi yang sama dengan Penulis. ...viii
- 3.1.9 Prakata (*recto/kanan*)  
Tulisan Penulis/penyunting buku berkaitan usaha penulisan & penghargaan kepada pihak-pihak yang berkaitan. ...ix
- 3.1.10 Pengenalan (*recto/kanan*)  
Pengenalan buku secara keseluruhan ...x

## 3.2 Bahagian Teks

Bahagian ini mengandungi sama ada bahagian atau bab dan sub-bab.

- 3.2.1 Setiap halaman kandungan hendaklah diberikan nombor muka surat (folio) iaitu 1,2,3,4,5 dan seterusnya di bahagian atas kanan halaman.
- 3.2.2 Kandungan setiap bab/tajuk baharu perlu diletakkan dibahagian kanan (*recto*) dan pada muka surat yang baru.
- 3.2.3 Bagi bab dalam buku atau buku suntingan, nama penulis diletakan pada setiap bab dengan maksimum **tiga orang penulis sahaja**.



Contoh bab dalam buku

- 3.2.4 Kesimpulan
- 3.2.5 Rujukan (mengikut format APA)
- 3.2.6 Bagi bab dalam buku atau buku suntingan, senarai rujukan juga ditulis dibahagian akhir buku (bukan di akhir setiap bab)

#### 4.0 Bahagian Akhiran

Bahagian akhiran ini merupakan bahagian yang menjadi rujukan pembaca untuk memahami keseluruhan teks dengan lebih mendalam dan pantas. Bahagian ini perlu mengandungi perkara-perkara berikut yang perlu disusun mengikut urutan.

- 4.1 Indeks
- 4.2 Lampiran (jika ada/jiika perlu)
- 4.3 Kulit belakang (*blurb*)



Contoh kulit belakang buku beserta blurb

## 5.0 Panduan Penulisan

- 5.1 Dalam menulis karya ilmiah, gaya penulisan dan penggunaan huruf besar, huruf condong, akronim, tanda baca, ejaan dan tatabahasa perlu merujuk kepada Gaya Dewan yang boleh dirujuk melalui laman web Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa Dan Pustaka di <http://prpm.dbp.gov.my/>
- 5.2 Bagi penulisan manuskrip bidang keagamaan, penulis perlu menulis ayat al-Quran dan terjemahannya dengan menggunakan Resm Uthmani dengan merujuk al-Quran pimpinan Al-Rahman atau Quran yang diterbitkan di Malaysia. Penulisan dengan menggunakan istilah-istilah agama terkini, ejaan dan tatabahasa dalam teks mengikut Gaya Dewan.
- 5.3 Bagi penulisan buku dan bab dalam buku atau buku suntingan yang berasaskan kepada laporan penyelidikan atau monograf dan artikel yang telah diterbitkan dalam prosiding atau jurnal sama ada bercetak atau atas talian perlu diubah gaya penulisan dan kandungannya dengan minima sebanyak 30%. Perlu difahami bahawa sasaran pembaca telah berubah dari pembaca dalam kalangan ahli akademik kepada bacaan umum. Maka bahasa, gaya penyampaian atau penulisan perlu setara dengan kefahaman pembaca secara umum atau berdasarkan kepada perubahan sasaran khalayak pembaca buku yang bakal diterbitkan.

Selain itu, perkara-perkara berikut juga perlu diambil perhatian.

- 5.3.1 Tajuk dan subtajuk perlu disesuaikan kembali.
- 5.3.2 Subtajuk objektif, pernyataan masalah, kaedah kajian dan perbincangan kajian perlu digugurkan dan digantikan dengan subtajuk yang menjurus kepada kandungan aspek yang diterangkan dalam teks berkenaan.

- 5.3.3 Persembahan jadual dan rajah hasil kajian perlu diberi perhatian. Hanya jadual dan rajah yang memberi makna dan kefahaman yang mudah kepada pembaca sahaja dipersembahkan.
- 5.3.4 Pernomboran pada nama jadual dan rajah perlu ditulis secara berterusan dan bukannya mengikut bab. (Misalnya Jadual 1: Statistik Kelahiran, diikuti dengan Jadual 2 hingga Jadual 10)
- 5.3.5 Penjelasan berkaitan data kaedah dan hasil kajian perlu dijelaskan dengan bahasa yang mudah dan tidak terlalu saintifik.
- 5.3.6 Senarai rujukan perlu ditulis di bahagian akhir selepas bab terakhir dan bukannya disetiap bab.
- 5.4 Reka letak teks perlu diberi perhatian bermula pada awal penulisan bab dan perlu konsisten sehingga bab terakhir. Penulisan perlu mengikut format berikut;
- a. **TAJUK BAB** perlu ditulis dengan huruf besar dan diletak ditengah.
- b. **Subtajuk** – pecahan tajuk kepada subtajuk adalah dibenarkan namun dihadkan sehingga subtajuk kelima sahaja dengan menggunakan huruf tertentu dan disantak ke kiri seperti panduan pecahan berikut;

**SUBTAJUK PERTAMA - 12 poin, upper case, bold)**

Contoh **PENGENALAN**, font **Times New Roman**, size 12

<b>Subtajuk Kedua</b>	- 12 poin, title case, bold
<b><i>Subtajuk Ketiga</i></b>	- 12 poin, title case, bold, italic
Subtajuk Keempat	- 12 poin, title case, normal
<i>Subtajuk Kelima</i>	- 12 poin, title case, italic



## 6.0 Panduan menulis monograf.

Penerbitan monograf dibawah Penerbit KUIS adalah khusus daripada hasil penyelidikan Geran Penyelidikan Insentif KUIS (GPIK) dan penyelidikan yang menerima geran diperingkat negeri atau nasional . Manuskrip wajib mengandungi perkara-perkara berikut;


6.1	Kulit Hadapan <tajuk monograf> <penulis> (mengikut templete yang telah disediakan)	
6.2	Halaman kedua ( <i>recto/kanan</i> ) <tajuk buku>	...i
6.3	Halaman ketiga ( <i>recto/kanan</i> ) <tajuk buku> <penulis> <Penerbit KUIS> < Kajang> <tahun>	...iii
6.4	Halaman hak cipta	... iv
6.5	Halaman Kandungan ( <i>recto/kanan</i> )	... v
6.7	Halaman senarai jadual dan rajah (wajib disediakan sekiranya kandungan teks mempunyai jadual dan rajah)	...iv
6.8	Prakata ( <i>recto/kanan</i> )	...viii
6.9	Abstrak ( <i>recto/kanan</i> )	...ix
6.10	Kandungan monograf mengikut bab ( <i>recto/kanan</i> )	...1
6.11	Rujukan ( <i>APA style</i> )	
6.12	Indeks	
6.13	Kulit belakang ( <i>blurb</i> )	

### Catatan.

- I. *Recto* bermaksud setiap permulaan halaman perlu diletakan/ditulis di sebelah kanan buku.
- II. Warna kulit monograf (depan dan belakang) adalah berdasarkan kluster penyelidikan KUIS seperti berikut;
  - a. Hijau – Tamadun dan Pemikiran Islam
  - b. Maroon – Kewangan dan Pengurusan Islam
  - c. Biru Muda – Teknologi dan Komunikasi

## 7.0 Template Monograf

### 7.1 Kulit muka hadapan monograf



Contoh muka hadapan monograf

## 7.2 Kandungan halaman Hak Cipta (sebelah kiri buku)

Cetakan Pertama/first printing, <bulan> <tahun>

<Tajuk Monograf>

<Nama Penulis>

©PENERBIT KUIS, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

No. ISBN: < >

Diterbitkan di Malaysia oleh/ *Published in Malaysia by:*

PENERBIT KUIS

D/A PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)

BANDAR SERI PUTRA, 43000 KAJANG, SELANGOR

03-8911 700 samb. 2117/2334/3406

Hakcipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan dalam bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya, tanpa mendapat izin bertulis daripada pengarang dan Penerbit KUIS terlebih dahulu.

Atau (sekiranya monograf dalam bahasa Inggeris)

*All rights reserved. No part of the publication may be reproduced or transmitted in any form means or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the author and Penerbit KUIS.*

Dicetak oleh:

<Nama Syarikat Pencetak>

<Alamat Pencetak>

<no telefon>

## 7.2 Halaman Kandungan

KANDUNGAN	v
Senarai Jadual dan Rajah	vi
Kata Pengantar	vii
Prakata	viii
Abstrak	ix
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	<b>...1</b>
Pendahuluan	...2
Latar belakang Kajian	
Pernyataan Masalah	
Objektif Kajian	
Persoalan Kajian	
Kerangka Konseptual Kajian	
Kepentingan Kajian	
Batasan Kajian	
Definisi Operasi Kajian	
Kesimpulan	
<b>BAB II KAJIAN LITERATUR</b>	<b>...15</b>
Pendahuluan	
Kajian-Kajian Lepas	
Kesimpulan	
<b>BAB III METODOLOGI KAJIAN</b>	
Pendahuluan	
Reka bentuk kajian	
Lokasi kajian	
Populasi, Sampel Kajian dan Kaedah Persampelan	

Prosedur pengumpulan Data  
 Instrumen kajian  
 Prosedur Penganalisan Data  
 Kajian Rintis  
 Kesimpulan

#### **BAB IV DAPATAN KAJIAN**

Pendahuluan  
 Demografi Responden Kajian  
 Analisis Dapatan  
 Kesimpulan

#### **BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

Pendahuluan  
 Rumusan  
 Cadangan  
 Kesimpulan

**INDEKS** 140

#### **LAMPIRAN**

Lampiran 1 (Borang Soal selidik) 145  
 Lampiran 2 (Surat kebenaran) 147

Catatan:

- I. Penomboran muka surat bermula pada halaman kandungan (v) diikuti oleh senarai jadual dan rajah dan jadual (jika ada)
- II. Penomboran jadual dan rajah adalah berturutan dari bab 1 hingga bab akhir & bukannya mengikut bab.
- III. Tajuk jadual ditulis dibahagian atas tajuk manakala tajuk rajah, dibahagian bawah rajah.
- IV. Nyatakan sumber & tahun pada jadual dan rajah yang dipetik dari sumber rujukan (sekiranya bukan hasil penyelidikan/penulis)
- V. Penomboran muka surat diletakan di sudut bawah sebelah kanan (1.5 cm dari jarak atas dan 2.5cm dari jarak kanan bagi digit terakhir nombor berkenaan).

### 7.3 Halaman Prakata

Perenggan pertama: pernyataan syukur kepada Allah SWT dan junjungan besar Rasulullah SAW.

Perenggan kedua dan ketiga: Ringkasan tentang monograf/bagaimana terhasilnya dan harapan terhadap buku ini

Perenggan keempat: Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak-pihak yang berkaitan (termasuk KUIS yang telah menganugerahkan dana/geran GPIK Fasa < > tahun < >.

\*Satu muka surat sahaja

#### 7.3.1 Contoh Prakata

Setinggi-tinggi syukur kepada Allah SWT kerana ilham menulis isu-isu berkaitan program media Islam yang akhirnya dapat disempurnakan untuk penerbitan monograf ini. Selawat dan salam kepada Baginda Muhammad SAW dan ahli keluarga serta para sahabat RA.

Monograf bertajuk Program Media Hari Perkabungan Negara, Perspektif Islam ini merupakan hasil kajian yang telah dijalankan susulan peristiwa MH17 dan MH370 dibawah Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS Fasa 1, tahun 2015. Monograf ini mengupas program-program media semasa Hari Perkabungan Negara yang telah dilaksanakan pada 22 Ogos 2015 bersempena ketibaan jenazah mangsa MH17 ke tanahair oleh stesyen-stesyen penyiaran AlHijrah, TV3, RTM, Astro Awani dan IKIMfm. Selain itu perincian konsep berkabung, musibah dan bencana menurut perspektif Islam turut dikupas hasil temu bual bersama para Ilmuan Islam yang menjadi informan penyelidikan yang dijalankan.

Diharapkan penulisan monograf ini dapat memberikan penjelasan terhadap kekeliruan terhadap konsep dan amalan perkabungan dalam kalangan masyarakat.

Dalam ruang yang terhad ini, penulis juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak KUIS dan RMC yang telah memberikan kepercayaan kepada pasukan penulis dalam menjalankan penyelidikan melalui kelulusan dana Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) Fasa 1, 2015 dan seterusnya kepada Penerbit KUIS yang memberi ruang untuk penerbitan monograf ini. Semoga buku ini adalah sebahagian daripada amal kebaikan yang diterima Allah SWT.

Wassalam.

< Nama Ketua Penyelidik/Penulis >

#### 7.4 Halaman Abstrak

<tajuk> dan abstrak tanpa kata kunci (satu muka surat sahaja)

## 7.5 Kandungan bab monograf

Cara penulisan kandungan bab adalah seperti berikut;

**Bab 1**  
**<TAJUK BAB>**

**PENGENALAN (SUBTAJUK PERTAMA - 12 poin, upper case, bold)**

Pengenalan kepada bab yang di tulis, font **century gothic**, size 12

**Subtajuk Kedua - 12 poin, title case, bold**

***Subtajuk Ketiga - 12 poin, title case, bold, italic***

Subtajuk Keempat - 12 poin, title case, normal

*Subtajuk Kelima - 12 poin, title case, italic*

**KESIMPULAN (SUBTAJUK PERTAMA - 12 poin, upper case, bold)**

Pengenalan kepada bab yang di tulis, font century gothic , size 12

\*tiada penulisan tanpa penomboran pada semua subtajuk.

## 7.6 Rujukan

Cara penulisan rujukan adalah mengikut Gaya KUIS (Panduan Penulisan Gaya Ilmiah KUIS) atau format APA secara konsisten. Senarai rujukan ditulis selepas tamat semua bab (bukan pada setiap bab)



## 7.6 Indeks

Indeks merupakan kata nama atau rangkai kata pendek yang penting dan jarang ditemui. Indeks disusun mengikut abjad dan diikuti oleh no muka suka surat.


### 7.6.1 Contoh Indeks

<b>A</b> al-ibtilla'	<b>I</b> Istirja'
<b>B</b> Berita Bencana	<b>P</b> Protokol Perkabungan
<b>F</b> fasad fatwa	

## 7.7 Kulit belakang (*blurb*)

Tuliskan tajuk dan nyatakan **perkara utama yang menarik** tentang buku ini dan boleh juga diperkenalkan secara ringkas para penulis & bidang kepakaran. Di halaman kulit buku ini juga akan diletakan logo KUIS, logo Penerbit KUIS dan Kod jalur no ISBN.

Gunakan saiz font 11, langkau 1.5.



Contoh Blurb

Disediakan oleh;  
@Penerbit KUIS  
Kemaskini :2 Ogos 2017